




SYARIAH **SAHAM GLOBAL**

Penentuan secara syariah untuk
trader US Market



Buka Platform Dengan Organisasi Yang Bukan Bank

TradeStation – Yes

Untuk mengelakkan diri daripada riba, kita haruslah menggunakan platform yang bukan merupakan sebuah bank

Saxo – No

Di antara platform yang sering digunakan oleh pelabur global adalah Saxo Bank.

Guna Cash Account (Akaun Wang Tunai)



Seterusnya, pastikan kita buka cash account. Kalau duit dalam akaun ada USD1,000, maka kita hanya boleh beli saham bernilai USD1,000.



Jangan risau, kerana saham global kita boleh beli hanya 1 unit. Saham Apple baru berharga USD130 seunit, boleh beli 7 unit dengan modal USD1,000. Saham Facebook pula baru USD270 seunit, saham Tesla keras sedikit berharga hampir USD800.



Saham McDonalds baru USD213 seunit, saham Starbucks pula baru USD104 seunit. Macam-macam kita boleh beli dengan modal USD1,000 ini.

Jangan Guna Kemudahan Margin, Leverage, Buying Power Dan Lain-Lain

01 Bila dah deposit duit ke dalam akaun, pastinya kita akan dapat pelbagai tawaran seperti kemudahan margin, leverage dan sebagainya.

02 Dengan deposit USD1,000, ada broker yang membenarkan kita beli saham sehingga 3 kali ganda atau USD3,000.

03 Sebaiknya kita hanya gunakan cukup-cukup wang yang ada di dalam akaun tersebut. Ada USD1,000 guna sehingga USD1,000 saja, jangan guna lebih.



Jangan Short Selling

1.0

Biasanya kita buat duit dalam saham adalah dengan teknik 'buy low sell high' atau 'buy high sell higher'.

3.0

Maka jangan lakukan short selling untuk meraih keuntungan.

2.0

Tetapi di pasaran saham global, ada pula teknik short selling di mana kita jual dulu baru beli kemudian. Ini bermakna kita akan untung apabila harga saham semakin menurun.

Beli Saham Patuh Syariah



1.0

Yang ni sudah terang lagi nyata. Bila nak beli saham di pasaran saham global, pastikan kita hanya beli saham-saham yang patuh Syariah.

2.0

Kini, bersumberkan kajian mendalam oleh para penganalisa yang berpusat di Malaysia, para pelabur sudah boleh mencari dan mengenalpasti status Syariah melalui laman web ShariahScreener.com, satu servis kewangan yang disediakan oleh syarikat Elzar Shariah Solution Sdn Bhd. Ianya diketuai oleh Dr Zaharuddin Abd Rahman, beliau yang merupakan Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Shariah Scholar di Bursa Marketplace.